

15 MAR 2000

Mahathir-Perutusan

BERSYUKUR DENGAN MENGORBANKAN KEPENTINGAN DIRI, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru umat Islam supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diperolehi dengan mengorbankan kepentingan diri dan merapatkan silaturahim sesama orang Islam di negara ini.

Mereka juga diminta berusaha mengelakkan daripada bersengketa dengan kaum-kaum lain di negara ini.

"Sebagai sebuah negara demokrasi kita perlu ada parti-parti politik dan kita menyokong parti yang kita minati. Tetapi permusuhan politik tidak harus di kekalkan sehingga keadaan masyarakat menjadi tegang," katanya dalam perutusan Aidiladha hari ini.

Dr Mahathir juga mengajak umat Islam supaya mengatasi perbezaan politik dan memupuk semula persaudaraan Islam sesama ummah sesuai dengan musim haji ini.

Perdana Menteri berkata, umat Islam di negara ini perlu bersyukur kerana mereka bebas melakukan ibadah tanpa berasa takut ditimpa musibah.

Katanya, agama Islam dihormati oleh penganut agama lain yang merupakan minoriti besar kerana umat Islam di negara ini sebagai kumpulan majoriti yang memerintah negara sanggup berkongsi pentadbiran dengan bukan Islam serta memberi kebebasan beragama kepada mereka.

Sebaliknya umat Islam di Kosovo, Bosnia-Herzegovina dan Palestin tidak dapat hidup sempurna kerana sering ditindas oleh orang lain dan tidak dapat menunaikan ibadat dengan sempurna.

"Di samping kita perlu bersimpati dengan mereka dan berkorban sedikit untuk membantu mereka, kita juga tidak boleh lupa untuk bersyukur atas nasib kita yang lebih baik," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia bukan sahaja bebas daripada tekanan musuh malah mereka juga tidak pernah kekurangan apa-apa sama ada makanan, pakaian dan bumbung di atas kepala kerana negara ini bebas daripada malapetaka besar.

"Sementara jiran-jiran kita sering dilanda banjir besar, ribut taufan, gerak gempa dan letupan gunung berapi, kita sebenarnya dilindungi daripada ribut taufan oleh jiran-jiran kita," katanya.

Semua itu adalah nikmat yang diterima oleh rakyat negara ini di samping nikmat-nikmat lain kerana negara aman dan makmur.

"Oleh kerana semua ini, kita harus bersyukur sepanjang masa dan jika kita dikehendaki berkorban tentulah kita tidak keberatan untuk berkorban dan berterima kasih kerana nikmat yang banyak yang kita terima," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam yang sentiasa bersyukur dan sanggup berkorban tidak akan rugi kerana mereka akan mendapat lebih banyak nikmat daripada Allah.

"Korban bermakna kesanggupan menyerahkan harta atau apa-apa yang disayangi atau dihargai kerana menginsafi akan keperluan orang lain yang lebih daif atau untuk tujuan kebaikan," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam mempertahankan agama dan umatnya pula, nyawa sendiripun perlu dikorbankan.

"Sesungguhnya kesediaan berkorban membentuk peribadi yang mulia yang tahu erti keinsafan, bersyukur atas segala nikmat yang diterima dan bertimbangrasa kepada yang kurang bernasib baik."

"Masyarakat yang dipenuhi dengan orang yang sedia berkorban tetap akan menjadi masyarakat yang kukuh, aman tenteram dan bahagia," katanya.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat

Aidiladha kepada umat Islam di negara ini serta mendoakan kesejahteraan jemaah haji Malaysia di tanah suci agar mereka dapat melakukan ibadah haji dengan sempurna dan pulang dengan selamat bersama pengalaman untuk mempertingkatkan lagi keimanan umat Islam di negara ini.

-- BERNAMA

AFY PR